

# Banjir pulih seminggu

Tiada ramalan hujan lebat, air bertakung disedut ke laut

Oleh Junita Mat Rasid  
dan Srihanasham Noordin

**M**UAR: Keadaan banjir di Johor, termasuk air yang melimpah di bandar, pekan dan kampung dijangka pulih dalam seminggu lagi.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata hanya pusat pemindahan di Batu Pahat, Yong Peng, Parit Sulong dan Muar yang masih diduduki mangsa banjir.

"Banjir di Johor mula pulih berikutan tiada jangkaan hujan lebat berterusan, namun kita memerlukan sekurang-kurangnya seminggu untuk air surut," katanya selepas melihat ibadah korban di pusat penempatan banjir di Sekolah Kebangsaan

Bukit Kangkar, di sini, semalam.

Abdul Ghani berkata, usaha kini sedang giat dilakukan untuk menyedut air banjir di kawasan bertakung untuk disalurkan terus ke laut.

"Apa yang kita lakukan sekarang ialah menyediakan sejumlah 11 pam penyedut di Batu Pahat untuk menyalurkan terus air banjir ke laut," katanya.

Sementara itu, mangsa ke-13 banjir di Johor, Mohd Farhan Mokhtar, 18, yang dihanyutkan arus ketika menunggang motosikal melalui Jalan Kampung Durian Chondong-Bukit Kepong, malam Jumaat lalu, dijumpai, jam 2.15 petang semalam.

Sementara itu, sehingga jam 4 petang semalam, bilik gerakan banjir merekodkan masih ada 51,740 mangsa di 156 pusat pemindahan dengan

29, 792 di Batu Pahat; Muar (18, 928); Kota Tinggi (2, 087); Segamat (667); Mersing (206) dan Johor Bahru selatan (60) manakala pusat pemindahan di Kluang dan Pontian ditutup.

Di MELAKA, setakat pagi sema-

lam, hanya tinggal 258 mangsa di pusat pemindahan.

Di KUANTAN, bilangan mangsa banjir yang masih ditempatkan di dua pusat pemindahan daerah Rompin ialah 137 orang.

Jurucakap bilik gerakan Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pahang berkata, 25 keluarga masih ditempatkan di pusat pemindahan.

Sementara itu di KUALA LUMPUR, Pengerusi Putera Umno, Datuk Abdul Azeez Abdul Rahman, ketika dihubungi *Bernama* berkata, Unit Bantuan Bencana Putera Umno menghantar bantuan bernilai RM200,000 termasuk beras, pakaian, susu, lampin serta ubat-ubatan kepada mangsa banjir di Johor, Melaka dan Pahang sejak 22 Disember lalu.

## FAKTA NOMBOR

Banjir di Johor

51,740

Mangsa di penempatan sementara sehingga semalam

156

Pusat pemindahan